



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PROF. DR OMER BOLAT, MENTERI PERDAGANGAN TURKIYE SERTA SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) PERTAMA DENGAN AGENSI PERSAINGAN LUAR NEGARA

ANKARA, 11 September 2024 – Saya telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Perdagangan Turkiye, Prof. Dr. Omer Bolat. Turut hadir dalam kunjungan hormat tersebut ialah Duta Besar Malaysia ke Turkiye, TYT Sazali Mustafa dan para pegawai kanan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Sewaktu kunjungan hormat tersebut, kami telah membincangkan pelbagai perkara yang melibatkan aspek tanggungjawab yang berkaitan di antara kedua-dua kementerian seperti perdagangan dalam negeri, perlindungan pengguna, perundangan persaingan dan isu kos sara hidup.

Perjumpaan di antara kedua-dua kementerian ini disusuli dengan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di antara MyCC dan badan berkuasa persaingan di Turkiye iaitu *Turkish Competition Authority* (TCA). Ini merupakan MOU yang pertama ditandatangani oleh MyCC dengan agensi persaingan negara lain.

MOU ini adalah langkah strategik yang bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama antara kedua-dua agensi dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks dalam penguatkuasaan undang-undang persaingan. Fokus utama kerjasama ini adalah untuk meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan, terutama dalam menangani kes-kes antipersaingan yang dinamik, serta memperluas pertukaran maklumat dan kepakaran dalam pelbagai aspek undang-undang persaingan.

MyCC telah memainkan peranan penting dalam memastikan persaingan yang adil dan terbuka di Malaysia. Sejak penubuhannya, MyCC telah menyiasat lebih daripada 100 syarikat berkaitan pelbagai kes pelanggaran antipersaingan seperti kartel dan monopoli bermasalah. MOU antara MyCC dan TCA ini adalah langkah penting untuk memperkasa peranan MyCC dalam membantu Kerajaan memerangi isu kartel dan monopoli. Dengan adanya kerjasama ini, kita dapat memastikan pasaran yang lebih kompetitif, inovatif, dan memberikan rakyat lebih banyak pilihan melalui persaingan yang sihat.

KPDN komited untuk terus memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang dan melindungi kepentingan pengguna. Kementerian akan terus berusaha untuk mewujudkan pasaran yang adil dan terbuka, di mana persaingan yang sihat dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###